

09 SEP 2003

Musa-Penggiliran

BELUM ADA "MEKANISME" KAJI SEMULA SISTEM PENGGILIRAN KETUA MENTERI

KOTA KINABALU, 9 Sept (Bernama) -- Ketua Menteri Datuk Musa Aman berkata kepimpinan Barisan Nasional (BN) negeri belum memutuskan "mekanisme" yang mungkin digunakan bagi menentukan sama ada penduduk Sabah mahu meneruskan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri atau sebaliknya.

Beliau berkata pemimpin BN negeri belum mengadakan perbincangan mengenai perkara itu, dan ia akan ditentukan apabila tiba masanya.

"Kita belum bincang perkara ini. Bagaimanapun, kita mengucapkan terima kasih dan menghargai pandangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu sistem penggiliran (jawatan ketua menteri)," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Tilawah Al-Quran Peyatim peringkat kebangsaan di Dewan Sa'dah, Wisma Muis, dekat sini, hari ini.

Musa yang juga Pengerusi BN negeri berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir semalam yang menyerahkan kepada penduduk Sabah untuk menentukan sama mereka mahu meneruskan sistem penggiliran Ketua Menteri di negeri ini.

Ketika merasmikan Kongres tahunan ke-18 Parti Bersatu Sabah (PBS) di Dewan Hongkod Koisaan, Dr Mahathir berkata BN perlu mengambil kira kehendak rakyat negeri ini mengenai perkara itu.

Apabila ditanya sama ada mekanisme itu membabitkan perbincangan kalangan pemimpin parti komponen BN atau melalui pungutan suara, Musa berkata: "Kita akan bincangkan apakah mekanisme yang sesuai untuk menentukan masa depan formula sistem penggiliran itu".

Mengikuti sistem penggiliran itu, seorang pemimpin dari Umno akan mengambil alih jawatan Ketua Menteri setiap kali selepas penggal perkhidmatan sesuatu pemimpin kaum -- Bumiputera bukan Islam atau Cina -- berakhir.

Dr Mahathir mencadangkan idea penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah di kalangan tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- semasa kempen pilihan raya negeri Sabah pada 1994.

Ia bagi memberi peluang kepada pemimpin setiap masyarakat kaum itu memimpin Kerajaan Negeri untuk tempoh penggal dua tahun.

Sistem itu kemudian dilaksanakan di Sabah apabila Barisan Nasional (BN) mengambil alih tampuk kerajaan negeri pada Mac 1994.

Sistem itu diubahsuai sedikit pada Mac 2001, memberikan pemimpin Umno peluang menjadi Ketua Menteri setiap kali penggal perkhidmatan Ketua Menteri sesuatu kumpulan kaum itu berakhir.

Sistem itu setakat ini menyaksikan pelantikan tujuh ketua Menteri -- Tan Sri Sakaran Dandai (Sekarang Tun), Datuk Salleh Tun Said, Datuk Yong Teck Lee, Datuk Bernard Dompok, Datuk Osu Sukam, Datuk Chong Kah Kiat dan Datuk Musa Aman.

Sementara itu, ketika diminta mengulas seruan Dr Mahathir supaya BN berusaha untuk menang dengan majoriti besar pada pilihan raya negeri Sabah akan datang, Musa berkata BN negeri akan melakukan yang terbaik untuk mencapai sasaran itu.

"Kita akan bekerja keras bersama-sama dengan rakan lain dalam BN bagi memastikan BN menang besar," kata beliau.

Penggal Dewan Undangan Negeri sekarang akan berakhir pada 12 April 2004.

Mengenai masalah pelaksanaan undang-undang buruh (Semenanjung) di Sabah, beliau berkata perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet negeri Rabu ini.

"Apa yang penting ialah kepentingan pekerja sentiasa terpelihara," kata beliau.

-- BERNAMA

NT PR